

USUL TAFSIR AL-QURAN – SESI 12 – (SAMBUNGAN) USUL KE 8 – MEMAHAMI AL-QURAN BERDASARKAN TERTIB TURUN AYAT DAN SURAH



<https://youtu.be/8pMTUqO5dqI>

VIDEO – [Durasi 1j 15m 16s] – Sesi 12 -Usul No 8 -Memahami Al-Quran Berdasarkan Tertib Turun Ayat Dan Surah

USUL TAFSIR AL-QURAN – USUL KE 8 – MEMAHAMI AL-QURAN BERDASARKAN TERTIB TURUN AYAT DAN SURAH

TANDA MASA TAJUK PERBINCANGAN

- 1- [00:00:06](#) : Memahami Al-Quran Berdasarkan Tertib Turun Ayat Dan Surah
- 2- [00:01:19](#) : Peringkat Ketiga Kehidupan Nabi s.a.w Di Mekah Iaitu Tahun 6-10 Kenabian
- 3- [00:30:19](#) : Zaman Berlaku Pemulauan Kaum Quraisy Terhadap Orang-orang Islam
- 4- [00:39:30](#) : Surah-surah Yang Diturunkan Ketika Penindasan Dan Kekejaman Penguasa-penguasa Kafir Quraisy Terhadap Para Sahabat Berada Di Kemuncaknya
- 5- [01:10:30](#) : Peringkat Kehidupan Ketiga Nabi s.a.w Berakhir Dengan Baginda Dan Para Pengikut Dibebaskan Daripada Kepungan Di Syi'bi Bani Hasyim. Di Peringkat Itulah Juga Abu Thalib Dan Khadijah Meninggal Dunia. Kemudian Nabi s.a.w Berkahwin Dengan Saudah Dan Pergi Ke Thaif Untuk Berdakwah
- 6- [01:11:13](#) : Perincian

NOTA KULIAH LENGKAP – MUAT TURUN ATAU BACA ONLINE

NOTA USUL TAFSIR – SESI 12 – Ringkasan Usul Tafsir al-Quran – Usul 8

[<https://raudhahquranschool.files.wordpress.com/2020/06/nota-3-tafsir-al-quran-25-41-usul-8.pdf>]

NOTA RINGKAS

(SAMBUNGAN) Usul ke 8 – Memahami al-Quran Berdasarkan Tertib Turun Ayat.

3- SURAH-SURAH YANG DITURUNKAN DI ANTARA TAHUN KE 6 DAN KE 10 KENABIAN

Di peringkat ketiga kehidupan Rasulullah s.a.w di Mekah, sejumlah kira-kira 22 surah diturunkan kepada Baginda. Mula-mula turun 9 surah pasca kemarau yang berlaku di Mekah. Kemudian turun pula 13 surah selepas umat Islam betul-betul ditindas dan dizalimi. Di permulaan peringkat ketiga ini Sayyidina Hamzah telah memeluk agama Islam. Tiga hari kemudian Sayyidina 'Umar pula memeluk agama Islam. Peristiwa ini berlaku pada bulan Zulhijjah tahun keenam kenabian bersamaan 615 Masehi. Pada tahun ke 7 kenabian bersamaan 616 Masehi, telah berlaku kemarau yang dahsyat di Mekah, 9 surah yang diturunkan pasca kemarau yang berlaku pada tahun ke 7 kenabian itu adalah seperti berikut:-

Surah ke 21 – al-Anbiyaa'

-Rasulullah dituduh sebagai penyair dan seorang yang dirasuk

Surah ke 23- al-Mukminun

– dtuduh gila

Surah ke 25 – al-Furqan

-Dituduh seorang yang terkena sihir dan seorang yang mengada-ngada dengan mereka al-Quran

Surah ke 26 – asy-Syu'araa'

-Rasulullah s.a.w diragui dan dituduh gila

Surah ke 27 – an-Naml

– Diragui dan dituduh tukang sihir

Surah ke 28 – al-Qashaash

-Nabi s.a.w tidak berkuasa memberi hidayat kepada Abu Thalib

Surah ke 44 – ad-Dukhaan

-Baginda dituduh gila dan diajar oleh orang lain

Surah ke 45 – al-Jaatsiyah

-ancaman kepada pemimpin-pemimpin materialis dan atheis

Surah ke 54 – al-Qamar

-diturunkan di zaman pendustaan orang kafir terhadap Nabi s.a.w.

Diperingkat ini juga nabi s.a.w dipulau dan diboikot oleh orang-orang kafir Quraisy selama 3 tahun. Dalam masa 3 tahun itu nabi s.a.w dan keluarga serta pengikut-pengikut dibenarkan bebas hanya di kawasan Syi'bi Bani Haasyim atau Syi'bi Abi Thaalib sahaja. Peristiwa ini bermula pada bulan Muharram tahun ke 7 kenabian bersamaan 616 Masehi. Ia berterusan hingga ke bulan Muharram tahun ke 10 kenabian bersamaan 619 Masehi. Surah-surah Yang Diturunkan Ketika Penindasan Dan Kekejaman Penguasa-penguasa Kafir Quraisy Terhadap Para Sahabat Berada Di Kemuncaknya

Di peringkat ini turun kepada Rasulullah s.a.w kira-kira 11 surah. Nabi s.a.w pada ketika itu bukan sahaja dituduh, malah ketegangan kadang-kadang sampai kepada pakatan jahat mereka untuk membunuh Baginda s.a.w. Di penghujung peringkat inilah turun kepada Rasulullah s.a.w dua surah daripada surah-surah Hawaamim.

Di bawah ini dikemukakan 11 surah yang diturunkan pada peringkat ini:

Surah ke 34 – Saba'

-Rasulullah s.a.w dituduh sebagai tukang sihir, gila dan pereka al-Qur'an.

Surah ke 35 – Faathir

– Pakatan jahat terhadap Rasulullah

Surah ke 36 – Yaasiin

- Tuduhan sebagai penyair terhadap Rasulullah s.a.w. sifat "jalaal" Allah juga dinyatakan didalamnya.

Surah ke 37 – as-Shaffat

-Rasulullah dituduh sebagai tukang sihir dan gila.

Surah ke 38 – Shaad

-Rasulullah s.a.w dituduh sebagai tukang sihir dan pendusta besar.

Surah ke 85 – al-Buruj

-Ancaman kebinasaan kepada kaum kafir Quraisy kerana penindasan dan kekejaman mereka yang melampaui batas ke atas umat islam.

Surah ke 86 – at-Thaariq

-ia diturunkan di zaman berlakunya konspirasi, komplot dan pakatan jahat untuk membunuh Nabi s.a.w.

Surah ke 89 – al-Fajr

-Firman Allah : yang bermaksud, "Sesungguhnya Tuhanmu benar-benar mengawasi" merupakan ancaman kebinasaan daripada Allah kepada penguasa-penguasa Quraisy yang zalim.

Surah ke 90 – al-Balad

-kezaliman terhadap baginda s.a.w sendiri sudah dianggap halal.

Surah ke 40 – Haamiim Al-Mu'min

-Ancaman kebinasaan seperti yang telah berlaku kepada Fir'aun.

Surah ke 41 – Haamiim

- Ancaman kebinasaan seperti yang telah berlaku kepada kaum Aad dan Tsamud.

Peringkat kehidupan Rasulullah s.a.w ini berakhir dengan Baginda dan para pengikut dibebaskan daripada kepungan di Syi'bi Bani Hasyim. Di peringkat itulah juga Abu Thaalib dan Khadijah meninggal dunia. Kemudiannya Rasulullah s.a.w berkahwin dengan Saudah dan pergi pula ke Tha'if untuk berdakwah.

Perinciannya adalah seperti berikut:

(a) Abu Thaalib meninggal dunia pada bulan Rajab tahun 10 kenabian bersamaan 619 Masehi.

(b) dua bulan selepas itu Saiyyidatina Khadijah pula meninggal dunia iaitu pada bulan Ramadhan tahun ke 10 kenabian.

(c) Nabi s.a.w berkahwin dengan Saudah pada bulan Syawal tahun ke 10 kenabian bersamaan 619 Masehi.

(d) Pergi berdakwah ke Tha'if pada tahun ke 10 kenabian bersamaan Jun 619 Masehi. Pada ketika itulah dipercayai turun surah al-Ahqaaf dan al-Jin kepada Baginda s.a.w.

Surah ke 46 – al-Ahqaaf

-al-Qur'an diperdengarkan kepada kumpulan jin.

Surah ke 72 – al-Jin

-Selepas mendengar al-Qur'an kumpulan jin itu memeluk agama islam dan menjadi penda'wah.